

Bersatulah demi kemaslahatan umat

BUMI Syria terus menjadi saksi kekejaman rejim Bashar Al-Assad meskipun rakyatnya tidak berhenti bersuara dan dikecam dunia.

Di tampuk kuasa, pemerintahnya buta dan tuli rasa kemanusiaan. Namun, ia bukanlah suatu yang ganjil kepada mereka yang menguasai tampuk kepimpinan secara warisan.

Menurut **Pensyarah Pusat Pengajian Sejarah, Politik & Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Samsul Adabi Mamat**, konflik perang saudara yang

berlaku antara tentera rejim Bashar Al-Assad dan pejuang pembebasan Syria bermula sejak bulan Mac 2011.

“Perbezaan pendapat antara mazhab Syiah dan Sunni antara faktor tercetusnya konflik perang saudara ini, walaupun majoriti rakyat Syria berfahaman Sunni tetapi kuasa politik dipegang dalam kalangan mereka yang berfahaman Syiah,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini. Menyentuh isu kemanusiaan,

jelas Samsul Adabi, tindakan pemerintah yang bertindak kejam membunuh rakyatnya dengan semberono perlu dihentikan.



SAMSUL ADABI

Bagaimanapun, Allah mengingatkan manusia dalam surah ar-Ra'd: 11: *“Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib suatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubah apa yang pada diri mereka”* wajar dijadikan iktibar.

Umat Islam khususnya komuniti Arab berfahaman Sunni di Asia Barat seperti Jordan,

Libya, Turki dan Mesir perlu bersatu dalam menegakkan kebenaran Islam supaya nasib rakyat Syria terbela.

“Kita tidak boleh bergantung kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sahaja untuk memainkan peranan dalam memulihkan demokrasi Syria.

“Tetapi, umat Islam itu sendiri perlu berubah dan bersatu dalam menjaga keselamatan serta kemaslahatan umatnya. Mereka harus kuat dalam memperkasakan agama Islam melalui kerjasama yang utuh,” ujarnya.